

PERINGATAN RAJA-RAJA KEDAH



112
R

EDITOR

DR. IBRAHIM BAKAR LANGKAWI



Untuk Yang Di'leas'hi
Yang Asma' Berbahra'
tan 2 Mahatani Mchamad

Jusaidin
(Dr. Novalin)
Editor
2/10/2024

PERINGATAN RAJA-RAJA KEDAH

Kumpulan Catatan dan Warkah yang ditulis antara

30 Syaaban 1219 Hijrah, Tahun Ba

hingga 13 Zulkaedah 1293 Hijrah

(4 Disember 1804 hingga 22 Jun 1879 Masihi)

Iaitu dimulai dalam zaman pemerintahan

PADUKA SERI SULTAN AHMAD TAJUDDIN HALIM SHAH

IBNI AL-MARHUM SULTAN ABDULLAH

AL-MUKARRAM SHAH

WAHUWA IBNU AL-MARHUM AL-SULTAN MUHAMMAD

JIWA ZAINAL ADILIN MU'ADZAM SHAH

Sultan Kedah ke-22 (1804-1845 Masihi)

Salinan dan Susunan Terakhir Oleh

Fakir Yahya Bin Cik Muhammad Hanafi

Pada 12 Rabiul-awal 1333 Hijrah (1915 Masihi)

Daripada teks asal yang mula ditulis oleh

DATO' BENDAHARA KOTA INDERA KAYANGAN

Pentashih Teks Jawi

Shidi Omar Filfilan

Editor

DR IBRAHIM BAKAR LANGKAWI

Penerbit

Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah

(PSMCK)

2020

PUSTAKA PERDANA



1013766



KETERANGAN GAMBAR KULIT



Gambar 1: Hiasan gambar kulit menunjukkan cap tera Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah yang telah diukir pada tarikh 1219 Hijrah, bersamaan 1804 Masihi, iaitu tarikh baginda memulakan pemerintahan. Cap yang berukuran 75 mm ini pernah digunakan dalam surat yang dihantar oleh baginda kepada Lord Minto, Gabenor-General Benggala, bertarikh 26 Rabiul-akhir 1226 Hijrah, bersamaan 20 Mei 1811 Masihi. Surat tersebut kini tersimpan di *British Library*, dinomborkan BL MSS Eur.D.742/1,f.3. Teraan dengan dakwat berwarna merah itu dapat dibaca dengan jelas sebagai '*Al-Azizu Zul-Mulku al-Qadiru al-Ghalibu Ghayrul-Maghlub al-Sultan Khalifat-Allah 'ala Dairah Kedah wa-huwa Al-Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah ibni Al-Sultan Abdullah Mukarram Shah, sanah 1219*'. Teks Peringatan Raja-Raja Kedah ini banyak menyentuh tentang perihal baginda.

(Rujukan: Annabel Teh Gallop et al, 2012. *Lasting Impressions, Seals from the Islamic World*, Islamic Arts Museum Malaysia)

© Dr Ibrahim Bakar Langkawi
2020

Cetakan Pertama 2020

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk atau dengan sebarang cara melalui elektronik, mekanik, fotokopi, rakaman atau cara lain tanpa mendapat izin terlebih dahulu daripada pihak penulis.

ISBN: 978-983-43275-9-0

Ilustrasi dan Taip-set: Dr Ibrahim Bakar Langkawi
Pembaca pruf (Bahasa Melayu): Rahinun Mohd Noor
Pembaca pruf (jawi): Shidi Omar Filfilan dan Nafiza binti Nanyan

Penerbit

PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA CAWANGAN KEDAH
(PSMCK)

Anjung Sejarah Tunku Nong Jiwa,
d/a Muzium Negeri Kedah
Lebuhraya Darul Aman,
05100 Alor Setar, Kedah Darul Aman.

Tel: 04-734 1817

DEDIKASI

Semoga, secebis usaha ini direstui oleh moyangku, Tok Mat Ali dan Tok Halimah, yang pernah bertungkus lumus membina kehidupan di tengah-tengah hutan belukar Pulau Langkawi, dalam zaman kehidupan Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah, zaman yang diceritakan dalam manuskrip ini. Beliau beranakkan Tok Salleh Kaya, Tok Salleh Kaya beranakkan Tok Tayib, Tok Tayib beranakkan Tok Haji Bakar, iaitu ayahandaku. Semoga semua mereka yang telah al-marhum itu sentiasa dipelihara Allah dan ditingkatkan kedudukan mereka di sisiNya. Demikian juga diharapkan buku ini dapat menjana semangat anak-anak dan cucu-cucu yang dikasihi: Dr Danial Fa-iz, Siti Hajar Yusof dan Ali Alfarin; Haidar Najiyah, Hasrul Husin, Hayyan Naoki, Hannah Naomi, Hadeja Naema dan Hawa Nerina; Dr Fatin Zahirah, Muhamad Shazlee Razak, Suri Az-Zahra dan Sina Muhamad; Dr Mahya Diyana dan Mohamad Azfar Yusof. Terima kasih kepada Rahinun Mohd Noor yang telah membantu membina kehidupan harmoni, dan diharapkan semuanya dapat terus mewarisi kekentalan semangat moyang kita, Tok Mat Ali.

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada Dato' Wira (Dr.) Haji Wan Shamsudin Mohd Yusof, DSDK, atas sokongan dan bantuan bagi menjayakan penerbitan ini. Ribuan terima kasih juga ditujukan kepada pihak Perpustakaan Universiti Malaya Kuala Lumpur, yang telah membenarkan penyalinan semula manuskrip Peringatan Raja-Raja Kedah ini, daripada simpanan mikrofilem MF 1055.8, sehingga memudahkan selenggaraan. Kepada saudara Mohd Herman bin Ruslan dari Arkib Negara Cawangan Pahang, yang telah berusaha mendapatkan naskhah salinan manuskrip jawi, di sini kami suka lakarkan rasa terhutang budi kepada beliau. Salinan yang lebih baik itu telah banyak membantu memudahkan dan menyelesaikan transliterasi teks tersebut ke rumi. Di samping itu ribuan terima kasih juga ditujukan kepada saudara Rusidi Che Omar (Shidi Omar Filfilan) dan Nafiza binti Nanyan yang telah membaca pruf transliterasi jawi ke rumi, serta Rahinun Mohd Noor yang telah membaca pruf dan semakan ejaan Bahasa Melayu dalam selenggaraan ini. Tanpa anda semua, barangkali penerbitan buku ini tidak dapat dilaksanakan dengan jayanya.

KANDUNGAN BUKU

	HALAMAN
I KATA ALU-ALUAN DAN SENARAI SULTAN KEDAH	vi-xii
II PENGENALAN	1-24
III TRANSLITERASI RUMI	25-109
1 <i>Nota-nota Mula Penyalin</i>	27-28
2 <i>Sijil Perjanjian Untuk Tunku Ibrahim Raja Muda</i>	29-32
3 <i>Perihal Pertabalan Sultan Ahmad Tajuddin dan Tunku Ibrahim Raja Muda</i>	33-40
4 <i>Salasilah Raja-Raja Kedah</i>	41-42
5 <i>Perihal Bunga Emas</i>	43-50
6 <i>Undang-Undang Pengapar Perahu</i>	51-54
7 <i>Perolehan dan Perbelanjaan Kerajaan Kedah</i>	55-94
8 <i>Warkah-warkah Peminangan DiRaja</i>	95-100
9 <i>Catatan Keputeraan dan Kemangkatan Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah</i>	101-102
10 <i>Ta'aabir Gerhana dan Gempa Bumi</i>	103-106
11 <i>Nota-nota Pendek Penyalin</i>	107-109
IV GLOSSARI PERKATAAN MELAYU KLASIK DAN LOGHAT KEDAH	110-112
V DAFTAR RUJUKAN	113-114
VI TEKS JAWI PERINGATAN RAJA-RAJA KEDAH (MF 1055.8)	115-150
VII BIODATA EDITOR	151-154

KATA ALU-ALUAN



**PROFESOR DATO' DR MOKHTAR SAIDIN
PENGARAH, PUSAT PENYELIDIKAN ARKEOLOGI GLOBAL
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

Alhamdulillah saya bersyukur ke hadhrat Ilahi, kerana dengan limpah keizinanNya saya diberi peluang untuk menyampaikan sedikit kata-kata aluan untuk buku ini. Selawat dan salam saya sampaikan kepada Junjungan Besar Nabi Mohamad SAW yang kita cintai. Dengan taufik dan hidayahNya, sebuah lagi buku yang dapat menyumbangkan ilmu yang bermanfaat, siap disajikan kepada pembaca yang dahagakan ilmu.

Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan sekalung tahniah kepada Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah (PSMCK), atas inisiatif menerbitkan buku ini. Usaha besar ini bukanlah suatu perkara yang mudah, kerana mengalihkan manuskrip dalam tulisan jawi kepada tulisan rumi, memerlukan kepakaran. Namun PSMCK telah berupaya melaksanakan usaha murni ini, dengan secara istiqamah menerbitkan buku-buku yang telah ditransliterasi dari tulisan jawi kepada tulisan rumi. Syabas dan tahniah.

Bagi saya buku Peringatan Raja-Raja Kedah ini, isinya sangat menarik, terutamanya dalam bahagian yang menyentuh tentang perolehan negeri Kedah dalam zaman Sultan Abdullah Mukaram Shah (1778-1797), diikuti pula dengan perolehan negeri ini dalam zaman anakanda baginda, Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah (1804-1845). Perkara ini disentuh dengan jelas, yang menunjukkan negeri Kedah pada waktu itu adalah sebuah negeri yang menjalankan aktiviti perdagangan. Hal ini berlaku sekitar tahun-tahun menjelang masa pemajakan Pulau Pinang iaitu sekitar 1786. Secara peribadi saya amat tertarik tentang kisah penghasilan besi

yang terdapat dalam buku ini. Negeri Kedah telah diketahui umum sebagai pengeluar besi terbesar dan terbaik dunia, sejak tahun 788 Sebelum Masihi lagi, di kawasan Sungai Batu serta kawasan yang ditadbir oleh kerajaan pada masa itu, yang masih dikaji dan diekskavasi sehingga kini, meliputi kawasan seluas lebih 1000 kilometer persegi. Pihak kerajaan Kedah pada waktu itu, telah dapat mengawal pengeluaran dan aktiviti eksport besi dengan teratur. Di samping itu, catatan tentang besi dalam buku ini, yang meliputi pengkisahan dalam abad ke-18 hingga ke-19, membuktikan bahawa Kesultanan Kedah sentiasa mempunyai aset besi, yang begitu mewah sebagai sumber pendapatan sejak zaman silam.

Walau bagaimanapun, kesan daripada pemajakanan Pulau Pinang, telah mengakibatkan perdagangan di Kedah semakin luntur kerana pedagang-pedagang sudah berpindah ke pelabuhan baru yang dibuka oleh Inggeris. Sedikit demi sedikit ekonomi Kedah semakin merosot, mulai dalam zaman Sultan Ahmad Tajuddin, kemudian diikuti zaman pergolakan semasa peperangan Kedah Siam. Namun perusahaan besi di Kedah didapati terus wujud sehingga abad ke-20. Begitulah banyaknya maklumat tentang negeri Kedah dalam buku ini.

Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada Dr Ibrahim Bakar, yang tidak jemu-jemu mencari dan mengkaji manuskrip dalam tulisan jawi. Beliau secara istiqamah membuat transliterasi manuskrip jawi semata-mata dengan tujuan supaya ilmu yang bermanfaat dapat dikongsi dengan semua anggota masyarakat, terutamanya generasi muda, supaya khazanah bangsa dapat diketahui umum. Sekadar pengamatan saya, tidak ramai orang dapat melakukannya. Ia memerlukan kemahiran membaca jawi dan juga menagih kesabaran yang tinggi. Walaupun beliau sangat sibuk dengan urusan kerjayanya tapi usaha murni ini dapat dibuatnya. Harapan saya ini akan menjadi dorongan kepada semua untuk sama-sama dapat berusaha menambahkan penulisan buku terutamanya yang berkaitan sejarah.

Buku ini walau pun kecil tetapi amat baik untuk bacaan umum, baik peminat-peminat sejarah segenap lapisan, mahu pun pengkaji-pengkaji sejarah, warisan dan kebudayaan tempatan. Buku kecil ini amat sarat dengan ilmu yang masih belum dikupas secara terperinci. Selamat membaca.

Ikhlas dari,

Profesor Dato' Dr. Mokhtar Saidin

Pengarah, Pusat Penyelidikan Arkeologi Global
Universiti Sains Malaysia

KATA ALU-ALUAN



DATO' WIRA (DR) HAJI WAN SHAMSUDDIN MOHD YUSOF PENASIHAT PSMCK

Alhamdulillah. Kita bersyukur ke hadhrat Allah, atas terbitnya sebuah lagi buku oleh Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah (PSMCK). Tahun ini dirasakan amat bertuah bagi PSMCK kerana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al Aminul Karim Sultan Sallehuddin Ibn Almarhum Sultan Badlishah, Sultan Negeri Kedah Darul Aman, telah berkenan menaungi Persatuan ini sebagai Penaung Diraja. Dengan terkembangnya payung naungan baginda, tentulah keadaan Persatuan, ahli-ahlinya, serta hubungan Persatuan ini dengan pentadbir dan rakyat negeri keseluruhannya menjadi tambah harmoni.

Buku yang berjudul Peringatan Raja-Raja Kedah ini, walau pun ukurannya kelihatan kecil, namun kandungan isinya amat penting bagi pembaca-pembaca yang meminati, pengkaji-pengkaji serta pendukung-pendukung sejarah Kedah khasnya, dan sejarah Malaysia amnya. Buku ini mengandungi banyak perkara penting yang tidak terdapat dalam sumber penulisan lain, berkenaan sejarah Kedah. Kisah-kisah tentang pertabalan Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah, keterangan tentang pembuatan bunga emas Kedah yang terperinci, serta cerita tentang keadaan ekonomi Kedah abad ke-17 hingga ke-19, menjadikan kitab ini amat bernilai.

Dalam kesempatan ini saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Pengerusi, Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah,

iaitu Dr Ibrahim Bakar Langkawi, yang telah mula memegang jawatan Pengerusi sejak Mesyuarat Agung PSMCK pada 30 Jun 2019, yang terus berusaha menjayakan penerbitan buku ini. Diharapkan buku ini dapat mengisi kekosongan ruang ilmu yang berkaitan zamannya.

Salam hormat dari,

**Dato' Wira (Dr) Haji Wan Shamsuddin Mohd Yusof, D.S.D.K;
B.M.S; A.M.N; B.C.K. F.P.S.M.**

**Penasihat, Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah (PSMCK).
Alor Setar, 15 September 2019.**

SEULAS KATA PENGARANG KEHORMAT PSMCK

Buku-buku sejarah mula menduduki di pasaran buku antarabangsa. Penulisan sejarah bukan sekadar memaparkan fakta atau peristiwa tetapi penganalisisan merentasi masa perlu dilakukan bagi memastikan keselarasan tempoh masa itu memberi impak kepada kejituan fakta. Dalam konteks ini, kesepaduan dan tindak silang dalam mencari peristiwa sebenar dari pelbagai sudut pandangan perlu diberi perhatian khusus. Walaupun dokumen-dokumen yang dihasilkan pada masa lalu lebih berorientasikan kepada pemilik tertentu, tetapi sudut pandangan yang berbeza perlu diberi ruang untuk melihat secara tuntas keseluruhan peristiwa itu.

Sekali lagi Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah mengambil inisiatif untuk membugarkan semula salah satu dokumen yang pernah ditulis satu ketika dahulu. Kali ini sebuah buku yang bertajuk Peringatan Raja-Raja Kedah diangkat ke persada untuk diperkemas dan disusun semula bagi memberi peluang kepada generasi masa sekarang untuk mentelaah dan seterusnya menjadi bahan kajian bagi memperindahkan ketamadunan Melayu di Nusantara ini. Semoga dengan terbitnya buku ini akan menambahkan koleksi pengkajian khususnya mengenai sejarah Kedah dan ketamadunan Melayu di rantau ini.

Ikhlas dari,

**Lt.Kol. Mukhtar Mansor, BCK, PK.
Pengarang Kehormat PSMCK**

Senarai Sultan Kedah 2019¹

BIL.	SULTAN	MULA MEMERINTAH	TAMAT MEMERINTAH / MANGKAT	MAKAM DAN GELARAN
1	Sultan Al-Mudzaffar Shah I	531 H = 1136 M	13 Safar 575 = 20 Julai, 1179	Langgar Diraja Kg Pengkalan Bujang
2	Sultan Mu'adzam Shah ibni Almarhum Sultan Al-Mudzaffar Shah	13 Safar 575 = 20 Julai, 1179	8 Syaaban 598 = 3 Mei, 1202	Langgar Diraja Kota Bukit Meriam
3	Sultan Muhammad Shah ibni Almarhum Sultan Mu'adzam Shah	8 Syaaban 598 = 3 Mei, 1202	13 Jamadilawal 634 = 12 Disember, 1236	Langgar Diraja Kota Bukit Meriam
4	Sultan Mudzil Shah ibni Almarhum Sultan Muhammad Shah	13 Jamadilawal 634 = 12 Disember, 1236	8 Rabiulakhir 679 = 7 Ogos, 1280	Langgar Diraja Kota Sungai Emas
5	Sultan Mahmud Shah ibni Almarhum Sultan Muzzil Shah	8 Rabiulakhir 679 = 7 Ogos, 1280	15 Rabiulakhir 721 = 14 Mei, 1321	Langgar Diraja Kota Sungai Emas
6	Sultan Ibrahim Shah ibni Almarhum Sultan Mahmud Shah	15 Rabiulakhir 721 = 14 Mei, 1321	11 Rejab 775 = 27 Disember, 1373	Langgar Diraja Kota Seputih
7	Sultan Sulaiman Shah I ibni Almarhum Sultan Ibrahim Shah	11 Rejab 775 = 27 Disember, 1373	15 Syaaban 826 = 24 Julai, 1423	Langgar Diraja Kota Seputih
8	Sultan Atha'allah Muhammad Shah I ibni Almarhum Sultan Sulaiman Shah	15 Syaaban 826 = 24 Julai, 1423	15 Syaaban 877 = 15 Januari, 1473	Langgar Diraja Kota Seputih
9	Sultan Muhammad Jiwa Zainal 'Azilin Shah I ibni Almarhum Sultan Atha'allah Muhammad Shah	15 Syaaban 877 = 15 Januari, 1473	13 Muharram 912 = 5 Jun, 1506	Langgar Diraja Kota Seputih
10	Sultan Mahmud Shah II ibni Almarhum Sultan Muhammad Jiwa Zainal 'Azilin Shah	13 Muharram 912 = 5 Jun, 1506	13 Zulkaedah 953 = 5 Januari, 1547	Langgar Diraja Kota Seputih
11	Sultan Mudzaffar Shah II ibni Almarhum Sultan Mahmud Shah	13 Zulkaedah 953 = 5 Januari, 1547	14 Safar 1011 = 3 Ogos, 1602	Langgar Diraja Kota Seputih
12	Sultan Sulaiman Shah II ibni Almarhum Sultan Mudzaffar Shah	14 Safar 1011 = 3 Ogos, 1602	1 Jamadilakhir 1035 = 28 Februari, 1626 (Di Aceh)	Makam Pagarawan, Kota Raja, Negeri Aceh (Marhum Mangkat di Aceh)
13	Sultan Rijaluddin Muhammad Shah ibni Almarhum Sultan Sulaiman Shah	10 Rejab 1035 = 7 April, 1626	1 Zulkaedah 1062 = 4 Oktober, 1652	Langgar Diraja Kota Naga, Kubang Pasu (Marhum Naga)
14	Sultan Muhyiddin Mansur Shah ibni Tunku Hussian ibni Almarhum Sultan Rijaluddin Muhammad Shah	1 Zulkaedah 1062 = 4 Oktober, 1652	13 Jamadilakhir 1072 = 4 Januari, 1662	Langgar Diraja Cegar, Jeram, Kubang Pasu (Marhum Sena)
15	Sultan Dhiauddin Mukarram Shah I ibni Almarhum Sultan Muhyiddin Mansur Shah	13 Jamadilakhir 1072 = 4 Januari, 1662	3 Jamadilakhir 1099 = 5 April, 1688	Langgar Diraja Kota Indera Kayangan, Perlis (Marhum Kayang I, Marhum di Hilir)

¹ Senarai ini dipetik daripada buku Attarikh Salasilah Negeri Kedah, oleh Muhammad Hassan bin Dato' Kerani Muhammad Arshad, selenggaraaan Dr Ibrahim Bakar Langkawi, terbitan PSMCK, 2018.

16	Sultan Atha'allah Muhammad Shah II ibni Almarhum Sultan Dhiauddin Mukarram Shah	3 Jamadilakhir 1099 = 5 April, 1688	13 Jamadilawal 1110 = 17 November, 1698	Langgar Diraja Bukit Pinang (Marhum Bukit Pinang I)
17	Sultan Abdullah Muadzam Shah ibni Almarhum Sultan Atha'allah Muhammad Shah	13 Jamadilawal 1110 = 17 November, 1698	13 Jamadilakhir 1118 = 22 September, 1706	Makam Diraja Langgar (Marhum Bukit Pinang II)
18	Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah I ibni Almarhum Sultan Abdullah Muadzam Shah	13 Jamadilakhir 1118 = 22 September, 1706	26 Syaaban 1122 = 20 Oktober, 1710	Makam Diraja Langgar (Marhum Bukit Pinang III)
19	Sultan Muhammad Jiwa Zainal Adilin Mu'adzam Shah II ibni Almarhum Sultan Abdullah Muadzam Shah	26 Syaaban 1122 = 20 Oktober, 1710	1192 H = 1778 M	? Makam Diraja Langgar (Marhum Kota Setar I, Marhum Kayangan)
20	Sultan Abdullah Mukarram Shah ibni Almarhum Sultan Muhammad Jiwa Zainal Adilin Mu'adzam Shah	1192 H = 1778 M	10 Rabiulawal 1212 = 25 September, 1797	Makam Diraja Langgar (Marhum Muda Kota Setar II)
21	Sultan Dhiauddin Mukarram Shah II ibni Almarhum Sultan Muhammad Jiwa Zainal Adilin Mu'adzam Shah	10 Rabiulawal 1212 = 25 September, 1797	Letak Jawatan: 13 Jamadilakhir 1219 = 19 September, 1804 Mangkat: 13 Safar 1230 H = 24 Januari 1815	Makam Diraja Kota Indera Kayangan, Kg. Tok Merehom, Perlis (Marhum Kota Kayang II, Marhum Muda Kayangan)
22	Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II ibni Almarhum Sultan Abdullah Mukarram Shah	13 Jamadilakhir 1219 = 19 September, 1804	25 Zulhijjah 1260 = 3 Januari, 1845	Makam Diraja Langgar (Marhum Melaka)
23	Sultan Zainal Rashid Mu'adzam Shah I ibni Almarhum Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah	25 Zulhijjah 1260 = 3 Januari, 1845	13 Jamadilakhir 1270 = 13 Mac, 1854	Makam Diraja Langgar (Marhum Muda Kota Setar III)
24	Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah ibni Almarhum Sultan Zainal Rashid Mu'adzam Shah	13 Jamadilakhir 1270 = 13 Mac, 1854	2 Rejab 1296 = 22 Jun, 1879	Makam Diraja Langgar
25	Sultan Zainal Rashid Mu'adzam Shah II ibni Almarhum Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah	2 Rejab 1296 = 22 Jun, 1879	7 Syawal 1298 = 22 September, 1881	Makam Diraja Langgar
26	Sultan Abdul Hamid Halim Shah ibni Almarhum Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah	1 Rabiulawal 1299 = 21 Januari, 1882	8 Jamadilawal 1362 = 13 Mei, 1943	Makam Diraja Langgar
27	Sultan Badlishah ibni Almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah	9 Jamadilawal 1362 = 14 Mei, 1943	25 Zulhijjah 1377 = 13 Julai, 1958	Makam Diraja Langgar
28	Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah	26 Zulhijjah 1377 = 14 Julai, 1958	20 Zulhijjah 1438H = 11 September 2017	Makam Diraja Langgar
29	Al Aminul Karim Sultan Sallehuddin ibni Almarhum Sultan Badlishah	Dimasyhurkan pada 21 Zulhijjah 1438H = 12 September 2017. Ditabalkan pada hari Isnain, 22 Oktober 2018.	Kini sedang bertakhta	

CARTA SALASILAH RAJA-RAJA KEDAH

[Raja-raja yang tersebut dalam manuskrip Peringatan Raja-Raja Kedah]

(Disusun semula oleh Dr Ibrahim Bakar Langkawi berpandukan Anderson (1824) dan Muhammad Hassan (1928))

Sultan Muhammad Jiwa Zainal Adlin Muadzam Syah II
(Sultan Kedah ke-19: 1122-1192 H / 1710-1788 M)

A. Paduka Bonda (Cik Puan Nang)

- 1. Tengku Long Putera (Raja Tanah)
- 2. Tengku Anjang Johan (Raja Laut)

B. Tengku Permaisuri (Tengku Puteri bt Tengku Ishak Temenggong Kota Giam)

- 1. Tengku Rahimah (kahwin Tengku Abdul Rahman, cucunda Tengku Ibrahim, 'Raja Muda Limbong', Raja Muda Kedah ke-5)
- 2. Tengku Abdullah (diputerakan 1750)
Sultan Abdullah Al-Mukarram Syah
(Sultan Kedah ke-20: 1192 H / 1788-1797 M)
- 3. Tengku Dhiauddin / Tengku Dewa (diputerakan 1754)
'Raja Muda Kayang', 'Raja Muda Perlis', 'Raja Perlis',
Raja Muda Kedah ke-6 (1740-1797 M)
Sultan Dhiauddin Al-Mukarram Syah II
(Sultan Kedah ke-21: 1212-1219 H / 1797-1804 M)
- 4. Puteri (kahwin Raja Cenak, Patani)

Tengku Anum
(Raja Jambangan)

Wan Tam bt
Dato Paduka
Lela Putera

Tengku Ku Net

A. Paduka Bonda
Wan Meh
(Tiada putera)

B. Paduka Bonda
Wan Mas
bt DSPR Laksamana

C. Tk Putih
bt S. Salahudin
Selangor

D. Cik Puan
Cik Bonda

E. Cik Puan
Cik Mas

F. Cik Puan
Cendera Sari

G. Cik Puan
Bida Sari

- 1. Tengku Pengiran
Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah
(Sultan Kedah ke-22)
1219-1260 H / 1804-1845 M
- 2. Tengku Bisnu (Raja Setul I)
- 3. Tengku Putera
- 4. Tengku Jamjam
- 5. Puteri
- 6. Puteri
- 7. Puteri
- 8. Puteri
- 9. Puteri

**Sultan Zainal Rasyid
Al-Muadzam Syah I**
(Raja Muda Kedah ke-9:
1839-1845 M)
(Sultan Kedah ke-23)

- 1. Tengku Ibrahim
(Raja Muda Kedah ke-7)
(1805-1815 M)
- 2. Tengku Sulaiman
- 3. Tengku Ku Su
- 4. Puteri

- 1. Tengku Daud

- 1. Tengku Yaakob / Embun
(Raja Muda Kedah ke-8)
(1815-1829 M)
- 2. Tengku Muhammad
- 3. Puteri
- 4. Puteri

- 1. Puteri
- 2. Puteri


- 1. Tengku Sofiah (Tengku Tunjung)
(kahwin Tuan Syed Haron Jamalullail)
- 2. Tengku Yusof
- 3. Tengku Muhammad (mangkat kecil)

Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Syah
(diputerakan: 27 Ramadan 1249 H / 7 Februari 1834)
(Sultan Kedah ke-24: 1270-1296 H / 1854-1879 M)

Pertunjuk:

- = Hubungan perkahwinan
- = Hubungan kelahiran

Pengenalan



Peringatan Raja-Raja Kedah



PENGENALAN

Oleh: DR IBRAHIM BAKAR LANGKAWI

Assalamu 'alaikum wa rahmatullahi wa barakaatuh. Bismi-llahi Rahmani Rahim. Al-hamdu li-llahi Rabbil 'Alamin. Dimulakan dengan nama Allah serta segala pujian yang tertinggi bagiNya, demi memulakan pekerjaan ini. Wassolatu wassalamu 'ala Sayyidina Muhammadin wa 'ala alihi wa sohbihi wa man tabi'ahum bi ihsanin ila yaum-iddin. Salawat dan salam itu tertuju kepada junjungan yang dikasihi, Nabi Muhammad SAW yang senantiasa dalam keadaan terpuji. Amma ba'du. Terlebih dahulu kita menjunjung kasih atas raja-raja, baik yang sudah mangkat atau sedang memimpin negeri, yang selama ini menjadi penaung atas kesejahteraan kita. Kepada mereka kita hadiahkan pahala bacaan ummul kitab, agar mereka terus dirahmati Allah. Al-Fatihah.

Sesungguhnya, terlalu 'sayang' sekiranya kita membiarkan sebuah catatan sejarah penting seperti kitab ini, terbiar begitu sahaja tanpa perhatian. Ia tidak sampai kepada masyarakat umum untuk dibaca, melainkan hanya boleh diteliti oleh segelintir pengkaji dan ahli-ahli sejarah di peringkat universiti. Ia amat berguna, berwibawa dan indah untuk dilepaskan begitu sahaja. Atas dasar itulah, manuskrip berupa nota 'Peringatan Raja-Raja Kedah' ini hendak diketengahkan ke persada umum.

Masalah yang paling utama ialah kita berhadapan dengan ramai di kalangan kita yang kini boleh dikatakan sebagai 'buta jawi'. Hanya segelintir masyarakat kita kini yang boleh membaca tulisan jawi. Maka perkara ini cuba diselesaikan dengan cara transliterasi atau alih-tulisan daripada jawi ke rumi, agar isinya dapat dibaca. Namun, ada pula masalah tambahan,

apabila catatan lama ini, seperti lazimnya kitab-kitab manuskrip lama, yang menggunakan Bahasa Melayu klasik, yang banyak mengandungi perkataan-perkataan lama, yang kini tidak difahami lagi oleh penutur Bahasa Melayu modern. Maka perkara ini juga perlu diselesaikan, dengan cara membuat kajian-kajian, sebagai sebahagian daripada analisis filologi. Sekadar termampu oleh penyelenggara, diharap kitab ini boleh difahami apabila disertakan sedikit nota kaki sebagai penjelasan.

Secara umumnya, manuskrip ini terdiri daripada dua bahagian, iaitu (a) bahagian yang disalin oleh penyalin daripada catatan lama, yang bermula sejak tahun 1219 Hijrah (1804 Masihi), (b) bahagian yang berupa catatan pribadi penyalin, terdapat di permulaan teks dan di belakang, ditulis dalam tahun 1333 Hijrah (1915 Masihi).

Banyak daripada isi kandungan catatan dalam Peringatan Raja-Raja Kedah ini yang amat menarik, penting dan bertaraf 'sumber rujukan primer' atau rujukan asas. Barangkali ada sedikit daripada kandungannya yang kata-katanya bersifat 'teguran' dan agak menyentuh emosi. Namun, tujuan kita mengetengahkan transliterasi ini bukanlah untuk membuat tumpuan kepada perkara itu, sebaliknya semata-mata untuk tujuan keilmuan, bagi kita memahami nilai dan norma masyarakat Melayu Kedah sezaman penulisan ini. Maka diharap, yang diambil iktibarnya ialah perkara-perkara positif yang tinggi nilai keilmuannya itu. Seperti dikatakan di atas, catatan dalam kitab ini mengandungi banyak perkara yang penting dan indah-indah untuk ditelaah, maka itulah yang patut diketengahkan.

Kisah tentang peristiwa pertabalan Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah yang berlaku di Balai Besar, Alor Setar, amat indah dan terperinci. Gambaran yang dicatat seolah-olah

kita dapat melihat peristiwa tersebut pada hari kejadian penting itu. Perkara ini amat berguna untuk kemudian hari, akan menjadi bahan rujukan pelbagai pihak dalam memperincikan proses pertabalan raja-raja Kedah.

Demikian juga catatan tentang bunga emas. Ia dicatat begitu terperinci sehingga seolah-olah kita melihat gambar atau bunga emas dan perak itu dengan mata kita sendiri. Selain itu, catatan tentang hasil mahsul Kedah yang dijadikan sebagai barangan larangan, maksudnya barangan kawalan kerajaan, diceritakan dengan amat baik dan terperinci, maka ia amat berguna bagi pengkaji-pengkaji ekonomi zaman tersebut.

Namun, sedikit kisah tentang salah faham kekeluargaan yang tercatat dalam teks ini tidak perlulah diperbesarkan atau diberi penekanan oleh pengkaji-pengkaji mendatang, kerana perkara yang sedikit itu telah pun lama diselesaikan dengan amat sempurna dan harmoni atas dasar ukhwah sejak dahulu, sehingga negeri ini terus aman damai hingga pada masa sekarang.

Dari sudut analisis filologi, catatan Peringatan Raja-Raja Kedah ini dapat dilihat dalam beberapa aspek sebagai berikut:

A. TEKS

1. Fisikal teks

Teks ini ialah suatu koleksi catatan peringatan atau memorandum (memo) yang merangkumi pelbagai perkara, terdiri daripada 40 halaman semuanya. Kini salinan mikrofilm teks ini tersimpan di Perpustakaan Universiti Malaya, dinomborkan dengan mf 1055.8. Naskhah asal teks ini tidak dapat dipastikan secara sah di manakah tempat simpanannya,

dijangka sama ada di Jakarta, Indonesia atau Leiden, Netherland¹.

Catatan ini memaparkan tulisan khat jawi yang tersusun, kemas dan cantik, namun agak sukar dibaca kerana sistem ejaan lama, dengan 'lenggok' dan 'style tulisan' tangan yang tersendiri, kelihatan seperti tulisan yang dipermudahkan. Di samping itu, banyak juga perkataan Bahasa Melayu sezaman dengan masa penulisannya, yang kini dianggap klasik. Ini menambahkan lagi kesukaran membaca, mentransliterasi dan mentafsirkan teks yang tertulis.

Seterusnya, didapati angka-angka yang digunakan bersama teks ini bercampur aduk. Untuk kenyataan tahun, digunakan angka Arab, iaitu ١ ٢ ٣ dan sebagainya, tetapi untuk angka halaman dan nilai matawang digunakan angka modern, iaitu 1 2 3 ... dan sebagainya.

Berikutnya, kalau kita teliti pada keseluruhan teks, dapat kita lihat dengan jelas bahawa ia bukanlah sebuah kitab yang dikarang oleh seorang individu sahaja. Kitab ini sebenarnya merupakan suatu koleksi campuran nota-nota, ada yang panjang dan ada yang pendek, maka dengan sebab itu ia dinamakan 'peringatan'. Nota-nota tersebut sebenarnya membicarakan perkara-perkara yang berlainan, ada kalanya tiada mempunyai kaitan langsung antara satu perkara dengan perkara yang lain. Ia boleh dikatakan sebuah antologi, yang memuatkan hasil tulisan orang yang berbeza. Namun tidak dapat dipastikan siapakah penulis-penulis itu. Telah dikatakan di atas bahawa sebahagiannya adalah catatan penyalin, manakala sebahagian lagi ialah salinan daripada catatan-catatan lama penulis yang tidak dapat dikenal pasti itu.

¹ Hafizah Iszahanid, akhbar *Berita Harian*, 16 Ogos, 2011.

Kemungkinan besar, bahagian awal yang berupa surat yang ditujukan kepada Tunku² Ibrahim Raja Muda, telah dikarang oleh Dato' Bendahara Kota Indera Kayangan. Di samping itu, bahagian yang menyatakan perolehan kerajaan sejak zaman Sultan Abdullah Mukarram Syah, Sultan Kedah ke-20 (1778-1797 Masihi), dibandingkan pula dengan perolehan kerajaan dalam zaman Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah, Sultan Kedah ke-22 (1804-1845 Masihi), kita dapat mengesan 'sedikit emosi' yang dimasukkan oleh pengarangnya, sedikit menyebelahi Sultan Dhiauddin Mukarram Syah, Sultan Kedah ke-21 (1797-1804 Masihi) yang telah terlucut jawatan. Sebab itu, boleh dikatakan Dato' Bendahara Kota Indera Kayangan yang pernah berkhidmat di bawah pemerintahan baginda menyimpan sedikit rasa kecewa. Maka perasaannya itu terzahir dalam penulisannya.

2. Tarikh teks

Berdasarkan apa yang tercatat pada surat perjanjian yang ditujukan kepada Tunku Ibrahim Raja Muda, tarikh mula penulisannya ialah pada 30 Syaaban 1219 Hijrah, bersamaan 4 Disember 1804 Masihi. Setelah itulah terjadi peristiwa pertabalan Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah dan Tunku Ibrahim Raja Muda dalam tahun 1805 Masihi. Teks itu dikumpulkan bersama teks-teks yang lain, kemudian telah disalin semula oleh Fakir Yahya bin Cik Muhammad Hanafi dalam tahun 1915. Di samping itu, penyalin ini telah menambah beberapa catatan peribadinya dalam kumpulan nota salinannya.

² Dalam teks jawi dieja 'ta-nga-kaf-wau', iaitu 'Tengku'. Namun dalam ejaan rumi telah lama digunakan ejaan 'Tunku', sejak zaman Ingeris. Transliterasi kepada 'Tunku' ini banyak terdapat dalam surat menyurat lama zaman Ingeris. Hingga sekarang kerabat DiRaja Kedah menggunakan ejaan 'Tunku' tersebut.

3. Penyalin dan penyusun

Kita bernasib baik kerana ada seorang 'budak pejabat' yang berusaha menyalin dan menyusun beberapa nota lama, mungkin atas minatnya yang dalam atas maklumat yang semakin rosak dimakan masa. Pada halaman 34, beliau mencatatkan pekerjaannya sebagai 'ordeli' (alif+ra+dal+alif+lam+ya) di Ofis Pencukaian Candu, Semeling, Kedah. 'Ordeli' ialah perkataan asal Bahasa Inggeris, 'orderlies' yang bermakna pembantu rendah di sesebuah pejabat, yang membuat pelbagai pekerjaan rencam. Kamus Dewan memberi makna kata 'odeli' sebagai 'orang suruhan di pejabat'. Pada zaman sekarang jawatan tersebut mungkin sesuai dikatakan sebagai Pembantu Rendah Am.

Odeli yang dimaksudkan ialah Fakir Yahya bin Cik Muhammad Hanafi. Tuhan telah menentukan kehendakNya membolehkan kita menatap naskhah lama yang ditulis sekitar tahun 1804 Masihi ini, melalui seorang pembantu pejabat berpangkat rendah yang berfikiran jauh, dengan cara berusaha menyalin sebuah kumpulan catatan lama yang sedang rosak, dengan niat untuk menyimpan suatu khazanah penting.

Didapati, salinan nota-nota lama ini telah dikepilkan pula dengan beberapa catatan kecil oleh penyalin. Contohnya, senarai peralatan membuat rumah, yang mungkin tidak berapa penting pada waktu ia ditulis, tetapi kini telah menjadi sebahagian daripadanya teks, yang tetap mengandungi nilai maklumat yang amat berguna.

B. KANDUNGAN

1. Nama

Naskhah ini telah dinamakan 'Peringatan Raja-Raja Kedah' (PRK), seperti yang tertulis pada muka hadapan. Kemungkinan besar yang menamakan kumpulan teks ini ialah penyalin, iaitu Fakir Yahya sendiri.

2. Ringkasan bab dan isi penting

Buku ini mengandungi 11 bab, ada yang panjang dan ada yang pendek. Bab 1 adalah catatan penyalin berkenaan kewangan membuat rumah, yang tiada kaitan dengan sejarah raja-raja Kedah. Dalam bab 2 di halaman 4 barulah diletakkan sepucuk surat perjanjian antara pembesar-pembesar Kedah dengan putera-putera raja. Pada keseluruhan halaman 4 ini dimuatkan sepucuk 'sijil' atau surat yang ditujukan kepada Tunku Ibrahim Raja Muda, ditandatangani oleh tiga orang putera Almarhum Sultan Abdullah Al-Mukarram Syah, iaitu Tunku Pengiran, Tunku Daud dan Tunku Muhammad. Tandatangan mereka diiringi oleh tandatangan 19 orang pembesar, termasuk Dato' Bendahara, Dato' Maharaja dan Dato' Laksamana. Surat tersebut bertarikh 30 Syaaban 1219 Hijrah, bersamaan 4 Disember 1804 Masihi.

Dalam surat itu dinyatakan sokongan pembesar-pembesar negeri supaya Tunku Pengiran terus diakui sebagai Sultan Kedah, iaitu Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah, manakala Tunku Ibrahim terus memegang jawatan Raja Muda. Sebelum itu terdapat sedikit perselisihan pendapat di kalangan mereka, tentang peranan dan hak masing-masing. Berikutan itu, Tunku Pengiran telah menitahkan supaya ditulis sepucuk surat untuk ditujukan kepada Tunku Ibrahim, supaya tidak timbul masalah kemudian hari.



Hasrat Tunku Pengiran ini nampak dalam ayat-ayat: *'Maka duli paduka kekanda yang hendaki adat daripada raja-raja dahulu, surat janjinya daripada paduka adinda sekalian saudara bersaudara dan paduka sekalian, tanda menyukakan duli tuanku jadi Raja Muda, memerintah di bawah duli paduka kekanda atas negeri Kedah ini, serta segala jajahannya, jangan jadi berselisih saudara bersaudara pada hari ke hadapan'*.

Pada halaman 5 hingga 7, tertulis catatan mengenai peristiwa pertabalan Tunku Pengiran sebagai Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah dan Tunku Ibrahim sebagai Raja Muda. Majlis Pertabalan tersebut telah dilaksanakan pada 15 Zulhijjah 1219 Hijrah, bersamaan 17 Mac 1805 Masihi, bertempat di Balai Besar, dalam Kota Setar.

Catatan berkaitan peristiwa pertabalan ini disampaikan dengan amat baik, jelas dan lengkap. Antara yang disebut ialah tentang persiapan majlis pertabalan itu yang diketuai oleh Dato Maharaja, yang ketika itu memang bermastautin di Kota Setar. Berikutnya, majlis pertabalan pada hari yang ditetapkan telah disempurnakan oleh Dato' Bendahara Kedah, yang datang dari Kota Indera Kayangan, Perlis. Majlis itu direstui oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Dhiauddin Mukarram Syah, tetapi baginda sendiri tidak menghadirinya. Ini berbeza dengan penceritaan yang disampaikan dalam At-Tarikh Salasilah Negeri Kedah, yang mengatakan Sultan Dhiauddin hadir menyempurnakan majlis tersebut³. Barangkali yang dimaksudkan oleh pengarang At-Tarikh Salasilah itu ialah kehadiran wakil Sultan Dhiauddin yang telah merestui pertabalan itu, manakala Dato Bendahara adalah orang yang membacakan perisytiharan pertabalan, seperti diadatkan sejak lama.

³ Muhammad Hassan bin Dato' Kerani Muhammad Arshad, 1928. *At-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, Jelutong Press (Cetakan Awal), halaman 220.

Dalam halaman 8 disenaraikan nama-nama Sultan Kedah yang bermula dengan Sultan Muhammad Syah, diikuti dengan Sultan Mahmud Syah, seterusnya Sultan Mudzaffar Syah. Dinyatakan bahawa catatan senarai sultan itu *disalin* pada 13 Muharram 1220 Hijrah, bersamaan 13 April 1805 Masihi. Namun, catatan ini kurang lengkap berbanding senarai Sultan Kedah yang tercatat dalam kitab *At-Tarikh Salasilah Negeri Kedah Darul Aman* karangan Muhammad Hassan bin Dato' Kerani Muhammad Arsyad.⁴ Walaupun senarai itu dikatakan disalin, namun tidak dinyatakan dari mana sumber rujukannya. Berkaitan ini, antara sumber yang mungkin menjadi rujukan pnyalin ialah Hikayat Merong Mahawangsa. Dianggarkan Hikayat Merong Mahawangsa itu ditulis lebih awal, iaitu dalam zaman Sultan Muadzam Syah, Sultan Kedah ke-2 (1179-1202 Masihi), kemudian terus disalin berkali-kali, hingga diperoleh salinan paling akhir, antaranya ialah salinan untuk R.J. Wilkinson pada 2 Rejab 1316 Hijrah, bersamaan 16 November 1898 Masihi.⁵

Catatan senarai nama Raja-Raja Kedah ini berakhir dengan nama Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah, kerana ia memang ditulis dalam zaman baginda. Agak berlainan dengan fakta dalam *At-Tarikh Salasilah*, gelaran bagi Sultan Dhiauddin Mukarram Syah I disebut dalam teks ini sebagai Marhum Ilir / Hilir atau Marhum *Kembali*, manakala gelaran Sultan Muhammad Jiwa disebut sebagai Marhum Kayangan, manakala anakanda baginda, Sultan Abdullah Mukarram Syah digelar Marhum Muda atau Marhum Bukit Pinang. Seterusnya Sultan

⁴ Muhammad Hassan bin Dato' Kerani Muhammad Arshad, 1928. *At-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, Jelutong Press (Cetakan Awal), halaman 420-423.

⁵ Siti Hawa Salleh, 1970. *Hikayat Merong Mahawangsa*, University of Malaya Press, Kuala Lumpur-Singapore, halaman xv.

Ahmad Tajuddin Halim Syah digelar Marhum Limbung. Perbezaan ini dapat dilihat dalam Tabel 1 di bawah.

Penjelasannya, Sultan Muhammad Jiwa telah digelar dengan sebutan 'Marhum Kayangan' kerana baginda pernah pindah bersemayam di Kota Indera Kayangan pada masa negeri Kedah berada dalam zaman peperangan dengan pihak Bugis. Baginda lebih dikenali sebagai Marhum Kota Setar, seperti yang tercatat dalam kitab At-Tarikh Salasilah Negeri Kedah.

Didapati, sebutan gelaran 'Marhum Kembali' bagi Sultan Dhiauddin Mukarram Syah I, dijangka adalah suatu kekeliruan. Kemungkinan besar telah terjadi kesalahan penyalinan. Namun tidak dapat dikesan bilakah berlaku kesilapan itu. Dalam Hikayat Merong Mahawangsa, baginda digelar sebagai 'Marhum Di Balai' atau sering disebut juga 'Marhum Ke Balai'. Maka dianggarkan telah bermula dengan terjadinya suatu kesilapan bacaan, kemudian diikuti kesilapan penyalinan, sehingga 'Ke Balai' dituliskan 'Kembali'.

Namun, gelaran 'Marhum Di Balai' dalam Hikayat Merong Mahawangsa itu sendiri pun dianggarkan adalah suatu kesilapan penyalinan juga. Persoalannya, apa kaitannya 'Balai' dengan Sultan Dhiauddin. Maka, dianggarkan telah terjadi suatu kesilapan penyalinan kata-katanya. Akibatnya, telah berlaku suatu kesilapan 'berganda'. Berkaitan ini, kita dapat lihat dalam Kitab Undang-Undang bahagian Tembera Dato' Seri Paduka Tuan, dikatakan bahawa Sultan Kedah telah bersemayam di Kota Palas. Baginda telah berpindah daripada Kota Sena ke Kota Palas. Dengan itu, boleh diyakini bahawa gelaran sebenar baginda itu ialah 'Marhum di Palas' atau 'Marhum ke Palas', tetapi telah disebut dengan loghat utara sebagai '*Marhom di Palaih*'. Seterusnya, berlakulah kesalahan bacaan sebagai '*Marhom di Balai*'. Akhirnya, pihak penyalin teks yang

kemudian, cuba membuat ‘pembaikan’ menjadi ‘*Marhum Kembali*’, kerana dilihatnya perkataan ‘ke Balai’ tiada mempunyai pertalian dengan baginda Sultan Dhiauddin itu.

Seterusnya, dalam halaman 9 hingga 12, terdapat cerita terperinci tentang dua perkara, iaitu pertama perihal pembuatan dan sifat-sifat bunga emas Kedah, kedua tentang peraturan pengapar perahu, iaitu jenis-jenis bendera yang patut digunakan pada perahu kenaikan masing-masing untuk pengenalan pembesar dan pegawai kerajaan.

**Tabel 1: Perbandingan Senarai Sultan Kedah
(Hingga Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah, 1854-1879)**

Nama dalam Peringatan Raja-raja Kedah	Gelaran dalam Peringatan Raja-raja Kedah	Nama dalam Hikayat Merong Mahawangsa	Gelaran dalam Hikayat Merong Mahawangsa	Nama dalam At-Tarikh Salasilah Negeri Kedah	Gelaran dalam At-Tarikh Salasilah Negeri Kedah
		1. Sultan Muzalfal Syah		1. Sultan Muzaffar Syah	
		2. Sultan Muadzam Syah		2. Sultan Muadzam Syah	
1. Sultan Muhammad Syah		3. Sultan Muhammad Syah		3. Sultan Muhammad Syah	
				4. Sultan Mudzil Syah	
		5. Sultan Mahmud Syah		5. Sultan Mahmud Syah I	
				6. Sultan Ibrahim Syah	
				7. Sultan Sulaiman Syah I	
				8. Sultan Atha'illah Muhammad Syah	
				9. Sultan Muhammad Jiwa Zainal Adilin Muadzam Syah I	

2. Sultan Mahmud Syah				10. Sultan Mahmud Syah II	
3. Sultan Mudzaffar Syah		4. Sultan Mudzaffar Syah ⁶		11. Sultan Mudzaffar Syah	
4. Sultan Sulaiman Syah	Marhum Mangkat di Aceh	6. Sultan Sulaiman Syah	Marhum Mangkat di Aceh	12. Sultan Sulaiman Syah II	Almarhum Mangkat di Aceh
5. Sultan Rijaluddin Muhammad Syah	Marhum Naga	7. Sultan Rijaluddin Muhammad Syah	Marhum Naga	13. Sultan Rijaluddin Muhammad Syah	Almarhum Naga
6. Sultan Muhyiddin Mansur Syah	Marhum Sena	8. Sultan Muhyiddin Mansur Syah	Marhum Sena	14. Sultan Muhyiddin Mansur Syah	Almarhum Sena
7. Sultan Dhiauddin Mukarram Syah	Marhum Ilir atau Marhum Kembali ⁷	9. Sultan Dhiauddin Mukarram Syah	Marhum Hilir atau Marhum ke Balai	15. Sultan Dhiauddin Mukarram Syah	Marhum Kayang Yang Pertama ⁸
8. Sultan Atha'allah Muhammad Syah	Marhum Bukit Pinang	10. Sultan Atha'allah Muhammad Syah	Marhum Bukit Pinang	16. Sultan Atha'illah Muhammad Syah II	Almarhum Bukit Pinang Yang Pertama
				17. Sultan Abdullah Muadzam Syah	Almarhum Bukit Pinang Yang Kedua
				18. Sultan Ahmad Tajudin Halim Syah I	Almarhum Bukit Pinang Yang Ketiga
9. Sultan Muhammad Jiwa Zainal Adilin Muadzam Syah	Marhum Kayangan ⁹	11. Sultan Muhammad Jiwa Zainal Adilin Muadzam Syah	Marhum Kayangan	19. Sultan Muhammad Jiwa Zainal Adilin Muadzam Syah	Almarhum Kota Setar Yang Pertama

⁶ Dalam teks ini kedudukan Sultan Mudzaffar Syah dikatakan Sultan Ke-4, berbeza dengan sumber-sumber lain.

⁷ Baginda disebut 'Marhum Ilir' sebab baginda telah berpindah bersemayam di Kota Indera Kayangan yang terletak di Kampung Wai di tepi Sungai Perlis, iaitu terletak di hilir atau 'ilir' berbanding tempat semayam sebelumnya, iaitu di Kota Sena dan Kota Palas. Baginda disebut 'Marhum Kembali' dalam teks ini dijangka berkaitan sebutan yang dipetik dari Hikayat Merong Mahawangsa yang menyebutnya 'Marhum ke Balai'. Manakala maksud 'Marhum ke Balai' itu dipercayai berasal dari kata-kata 'Marhum ke Palas' (ke *Palaih*), iaitu tempat semayam baginda di Kota Palas, setelah baginda berpindah dari Kota Sena, tempat semayam sebelumnya. Setelah di Kota Palas barulah baginda pindah ke Kota Indera Kayangan.

⁸ Baginda disebut 'Marhum Kayang' sebab baginda bersemayam dan memerintah di Kota Indera Kayangan. Baginda mangkat di istana Kota Indera Kayangan.

⁹ Dalam PRK baginda disebut 'Marhum Kayangan' dengan sebab ketika telah berlaku serangan tentera Bugis di Kedah dalam tahun 1776, baginda telah berpindah bersemayam sementara di Kota Indera Kayangan.

10. Sultan Abdullah Al-Mukarram Syah	Marhum Muda atau Marhum Bukit Pinang	12. Sultan Abdullah Mukarram Syah	Marhum Muda Bukit Pinang	20. Sultan Abdullah Mukarram Syah	Almarhum Muda Kota Setar
11. Sultan Dhiauddin Mukarram Syah		13. Sultan Dhiauddin Mukarram Syah	Marhum Muda Kayangan	21. Sultan Dhiauddin Mukarram Syah	Almarhum Kayang Yang Kedua
12. Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah	Marhum Limbung	14. Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah		22. Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah	Almarhum Melaka ¹⁰
				23. Sultan Zainal Rasyid Muadzam Syah	Almarhum Muda Kota Setar Yang Ketiga
				24. Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Syah	

Pada halaman 9 ada disentuh tentang bunga emas yang dihantar ke Siam oleh Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah dalam tahun 1222 Hijrah, bersamaan 1807 Masihi, disyaratkan supaya dilebihkan tinggi berbanding sebelumnya. Sebabnya, baginda sendiri yang akan berangkat ke benua Siam untuk menyampaikan hadiah-hadiah berkenaan kepada Maharaja Siam di Bangkok. Sifat-sifat bunga emas dan perak itu dinyatakan dengan sangat terperinci supaya boleh digunakan sebagai panduan untuk menempa bunga emas di masa hadapan. Seperti kata penulisnya, *"Diperbuat taruh pada kertas ini, boleh jadi naskhah diperbuat lagi akan datang ke hadapan ini. Tamat"*.

Seterusnya, pada halaman 11, cerita beralih daripada bunga emas kepada 'Undang-undang Aturan Pengapar Perahu'. Undang-undang ini ditulis pada 14 Jamadil awal 1227 Hijrah, bersamaan 26 Mei 1812 Masihi, iaitu dalam zaman pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah juga.

¹⁰ Baginda disebut 'Almarhum Melaka' dengan sebab ketika pemerintahan tentera Siam di Kedah, baginda telah berundur dan bersemayam di negeri Melaka, antara tahun 1821-1842.

Baginda telah menitahkan Dato' Bendahara¹¹ supaya menggubal undang-undang tersebut dengan bantuan Dato' Maharaja. Setelah selesai, derafnya diserahkan kepada sultan untuk disahkan atau '*sudah jadi benar*'. Seterusnya diperincikan sifat-sifat pengapar mengikut taraf pembesar dan pegawai, hingga hujung halaman 12.

Didapati, catatan pada halaman 13-29, mengandungi perkara yang paling penting dalam keseluruhan koleksi nota ini, iaitu yang berkaitan dengan perolehan dan perbelanjaan kerajaan Kedah ketika itu. Sejumlah 16 halaman telah mengisi keterangan mengenai perkara berkaitan ini. Diceritakan bahawa terdapat 9 jenis barangan yang menjadi monopoli kerajaan, disebut 'barang larangan'. Maksudnya barangan itu hanya boleh diniagakan melalui pihak kerajaan, tidak boleh diluar pengetahuan pihak kerajaan. Daripada barangan itu, 5 perkara adalah hasil dalam negeri Kedah sendiri, manakala selebihnya ialah barangan dari luar negeri.

Sejak zaman Sultan Abdullah Mukarram Syah, lima perkara yang dimaksudkan ialah gajah, timah, lilin, besi dan sendawa. Empat perkara dari luar negeri ialah candu, garam, tembakau dan kapas.

Beras yang dihasilkan dari negeri Kedah dikira sebagai barang larangan juga, tetapi dibenarkan dibawa keluar oleh kapal yang belayar keluar, mengikut keperluan yang dikira mencukupi bagi anak kapal selama masa pelayaran.

¹¹ Belum dapat dipastikan adakah Dato' Bendahara dalam masa pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin ini adalah orang yang sama dengan Dato' Bendahara yang bermastautin di Kota Kayang yang bertugas dalam pemerintahan Sultan Dhiauddin II.

Keterangan mengenai barangan monopoli kerajaan ini diceritakan dengan amat terperinci, lengkap dengan harga dan cukainya untuk setahun. Dapat dilihat bahawa keterangan ini sebenarnya merupakan suatu akaun keluar dan masuk bagi kerajaan Kedah pada masa itu.

Seterusnya, teks halaman 22 menyentuh keadaan setelah pihak Kedah memajak Pulau Pinang. Setelah Pulau Pinang dipajakkan, keadaan ekonomi di Kedah semakin menurun, sehingga akhirnya terus merosot dan kucar kacir. Semua barangan yang sebelumnya merupakan monopoli kerajaan, tidak lagi dipatuhi, menyebabkan cukai yang dikumpul oleh perbendaharaan terus merosot.

Mulai dari halaman 23, diceritakan keadaan setelah Sultan Abdullah Mukarram Syah mangkat, kemudian digantikan oleh adinda almarhum, digelar Sultan Dhiauddin Mukarram Syah. Disebutkan tentang sedikit keadaan salah faham yang timbul beberapa lama setelah Sultan Dhiauddin berada di atas takhta, antara anakanda-anakanda saudara baginda, iaitu Tunku Pengiran, Tunku Ibrahim, Tunku Daud dan Tunku Bisnu.

Namun, perkara tersebut dapat diibaratkan seperti pepatah Melayu lama, 'Carik-carik bulu ayam, lambat laun bertaut rapat semula'. Maka, yang dikatakan salah faham kecil itu telah lama dapat diselesaikan dengan baik, mengikut semangat ukhwah, maka hasilnya ialah keadaan negeri tetap aman damai. Pada peringkat awalnya, Gabenor Singgora telah memainkan peranan besar dengan mempengaruhi Raja Besar Siam, supaya menabalkan Tunku Pengiran sebagai Sultan Kedah bersama Tunku Ibrahim sebagai Raja Muda dengan segera. Namun, setelah pertabalan itu, telah menjadi kemusykilan bagi pihak Tunku Ibrahim Raja Muda tentang kawasan pegangan. Mulanya

PERINGATAN RAJA-RAJA KEDAH



ISBN 978-983-43275-9-0



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YATAYAN
KEPERIMPAN
PERDANA